

ANEKA PILIHAN

Pilih jawapan yang betul dengan memilih A, B, C atau D.

1. Melakukan perkara yang berfaedah boleh _____ diri sendiri.
A. menguntungkan
B. merugikan
C. menyesali
D. melindungi ☐
2. Membayar hutang hendaklah dengan jumlah yang _____ supaya kita sentiasa dipercayai.
A. salah
B. lebih
C. betul
D. kurang ☐
3. Menyimpan rahsia adalah susah, kecuali bagi orang yang _____.
A. salah
B. amanah
C. susah
D. senang ☐
4. Pemimpin yang baik adalah orang yang bersikap _____.
A. pemarah dan bengis
B. adil dan pilih kasih
C. adil dan tidak pilih kasih
D. sombong dan tidak pilih kasih ☐
5. Kejayaan seseorang itu bergantung kepada kebijaksanaannya mengatur dan menggunakan _____.
A. pakaian
B. makanan
C. kereta
D. masa ☐
6. Menabung dan tidak boros mengajar kita untuk hidup _____.
A. berdikari
B. bersendirian
C. menyendiri
D. bersenang-lenang ☐

7. Sifat _____ perlu dihindari kerana ia menyerupai sifat iblis.
- A. mulia
 - B. sombong
 - C. peramah
 - D. pemurah
8. Amalkan sikap _____ kepada orang yang memerlukan bantuan.
- A. tolong-menolong
 - B. benci-membenci
 - C. bermusuhan-musuhan
 - D. bersaing
9. Jangan mudah _____ kepada orang yang baharu dikenali.
- A. mesra
 - B. percaya
 - C. memusuhi
 - D. ingkar
10. Awar galat bermaksud _____.
- A. patuh
 - B. memberi perhatian
 - C. segan silu
 - D. orang perseorangan
11. Patuhi _____ sekolah dengan tidak membuat perkara yang boleh mencemarkan nama baik dan imej sekolah.
- A. peraturan
 - B. pesanan
 - C. nasihat
 - D. pelajaran
12. Amalkan sikap _____ dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara.
- A. benci-membenci
 - B. hormat-menghormati
 - C. hasad dengki
 - D. umpat-mengumpat
13. Rajin bertanya jika tidak faham dapat meningkatkan _____.
- A. kemahiran
 - B. keupayaan
 - C. pengetahuan
 - D. kesenangan

14. Antara keuntungan melibatkan diri dalam kegiatan kokurikulum ialah _____.
A. membina keyakinan diri
B. mengasingkan diri dari masyarakat
C. memundurkan kita dalam pencapaian akademik
D. membina rumah sendiri ☐
15. Ya Allah berkatilah kami dalam rezeki yang Engkau telah limpahkan kepada kami dan peliharalah kami dari seksa neraka adalah terjemahan _____.
A. doa sebelum tidur
B. doa sebelum keluar rumah
C. doa sebelum makan
D. doa sebelum masuk tandas ☐
16. Negara Brunei Darussalam mencapai kemerdekaan penuh pada _____.
A. 1 Januari 1994
B. 1 Januari 1984
C. 23 Februari 1984
D. 23 Februari 1994 ☐
17. Seseorang yang belum cukup umur 18 tahun _____.
A. tidak boleh memandu
B. boleh memiliki lesen memandu
C. boleh memandu
D. boleh memandu bas sahaja ☐
18. Salah satu warisan bangsa Melayu ialah _____.
A. bercucuk tanam
B. menangkap ikan
C. bertenun kain
D. berkebun sayur ☐
19. Amalkan _____ sebelum keluar rumah dan Ketika hendak masuk rumah.
A. menyanyi
B. menangis
C. bergaduh
D. berdoa ☐
20. Membuang sampah di tempat yang disediakan dapat mendisiplinkan diri supaya tidak jadi _____.
A. pembersih
B. pengotor
C. pemboros
D. prihatin ☐

MENANDAKAH BETUL ATAU SALAH

Tulis huruf **(B)** untuk pernyataan yang BETUL atau **(S)** bagi pernyataan yang SALAH.

BIL	SOALAN	B / S
1	Kita haruslah sombong setiap kali kita bersedekah.	
2	Kita mestilah menjaga kebersihan persekitaran rumah kita agar terhindar daripada pelbagai jenis penyakit.	
3	Agama Islam mengajar kita supaya sentiasa menghormati dan taat kepada ibu bap akita.	
4	Sikap menabung merupakan amalan yang sangat menyusahkan dan merugikan kita.	
5	Sebelum melakukan sesuatu perkara, kita mestilah berfikir terlebih dahulu.	
6	Orang yang amanah ialah seseorang yang membocorkan rahsia orang lain.	
7	Sebagai pelajar, kita mesti sentiasa mematuhi peraturan sekolah.	
8	Kita tidak perlu menolong kawan kita ketika dia dalam kesusahan.	
9	Hidup berjiran sangat penting kerana akan mebantu kita apabila dalam kesusahan.	
10	Seseorang anak mestilah sentiasa mentaati dan mematuhi arahan dan suruhan kedua orang tuanya.	
11	Pelajar bolehlah bersembang-sembang jika telah selesai menjawab soalan Ketika peperiksaan berlangsung.	
12	Kita hendaklah bersikap hormat-menghormati dengan jiran tetangga dan tegur-menegur di antara satu dengan yang lain.	
13	Kita hendaklah sentiasa berbuat bising dan mengganggu adik yang sedang mengulang kaji pelajaran.	
14	Sikap dendam boleh memuaskan hati kita.	
15	Apabila hendak meminjam sesuatu, kita hendaklah meminta izin terlebih dahulu agar kita tidak dianggap sebagai pencuri.	
16	Bersikap boros adalah sikap yang perlu dihindari dan mendatangkan kerugian.	
17	Ponteng sekolah adalah satu perkara yang boleh mengharumkan nama keluarga.	
18	Sikap pemaaf adalah suatu sikap yang dibenci.	
19	Mentaati suruhan orang tua membawa berkat di dunia dan akhirat.	
20	Kita tidak perlu mengamalkan sikap bertolak ansur dan bertimbang rasa dalam kehidupan sehari-hari.	